

31 JAN 2003

Mahathir-PNB

DEB DAN PNB BERJAYA MEMPERKAYAKAN BUMIPUTERA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta usaha gigih dan kecekapan Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah berjaya meyakinkan lapan juta Bumiputera untuk melabur RM40 bilion dalam pasaran saham dan kegiatan kewangan lain.

"Tidak terlintas dalam fikiran kita satu ketika dahulu bahawa Bumiputera akan dapat melabur RM40 bilion dalam saham, tetapi kita berjaya dengan adanya PNB dan DEB," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kejayaan yang dicapai oleh kaum Bumiputera di Malaysia menjadi impian banyak negara lain untuk memperkayakan rakyat masing-masing.

"Kita amat bangga dengan kejayaan PNB dan amat berterima kasih kepada pengurusannya kerana dapat mengumpul wang rakyat sehingga membawa kejayaan dan kekayaan kepada rakyat," katanya di majlis makan malam sempena ulang tahun ke 25 PNB.

Majlis makan malam yang diadakan di Stadium Negara itu turut dihadiri oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir berkata, cara-cara yang digunakan untuk melaksanakan DEB dan usaha gigih PNB juga telah berjaya meningkatkan pegangan saham Bumiputera di negara ini daripada 10 peratus pada 1970-an kepada 20 peratus kini.

"Kejayaan yang kita capai bukan hanya 20 peratus tetapi lebih daripada itu jika diambil kira pegangan kewangan lain pada Bumiputera di negara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata apabila PNB ditubuhkan 25 tahun yang lalu, ramai pihak khuatir kalau ia tidak dapat mencapai hasrat untuk menaikkan pegangan ekuiti Bumiputera.

"Faktor yang menolong adalah DEB. Pada satu masa dulu apabila orang Bumiputera diberi saham mereka menjual saham itu kepada bukan Bumiputera, tetapi dengan PNB mereka menjual balik saham itu kepada PNB, dengan cara ini pegangan saham Bumiputera dapat dikekalkan," katanya.

Beliau berkata dasar penswastan negara juga telah membantu PNB apabila banyak syarikat kerajaan dijual kepada PNB untuk mereka mencari keuntungan yang lebih.

-- BERNAMA

SR AZH PR